



Dr Vijay

19 tahun berkhidmat dalam kerjaya **impian**



Bidang kedoktoran sudah sebatu dalam diri Dr. Vijay.

Bagi Dr Vijayavel Vadiveloo atau lebih dikenali sebagai Dr. Vijay, profesion kedoktoran adalah satu kerjaya yang mulia. Selain membantu memulihkan penyakit, doktor juga berperanan untuk memberi informasi berperanan secara langsung mahupun tidak langsung mengenai kesihatan serta cara pencegahan yang sepatutnya dipraktikkan.

"Inilah kerjaya impian saya. Lebih 19 tahun berkhidmat dengan masyarakat membuatkan hubungan kami bertambah rapat. Saya melihat pesakit seperti kawan dan saudara sendiri. Sebolehnya saya cuba tangani masalah kesihatan mereka tetapi ada ketika apa yang diinginkan bukanlah seperti yang disangka.

"Boleh dikatakan ke mana-mana pergi pun, kami sentiasa mengutamakan khidmat yang terbaik kepada pesakit. Apa yang kami boleh usahakan, kami akan buat bersungguh-sungguh. Tidak timbul isu sambil lewa atau apa sahaja. Sekiranya di luar kemampuan atau kekurangan peralatan, kami akan segera rujuk kepada hospital yang mempunyai kemudahan serta kepakaran yang mencukupi.

"Sebagai contoh, suatu ketika dahulu, saya pernah ditugaskan berkhidmat di Hospital Kuala Pilah bahagian Unit Kesihatan Sekolah. Apabila terima kes-kes kecemasan yang memerlukan bantuan pakar serta peralatan-peralatan yang canggih maka kami segera menghantar pesakit berkenaan ke hospital besar di Seremban. Maksudnya di sini, keputusan perlu dilakukan dengan cepat bagi menyelamatkan nyawa pesakit. Kerana itu kami harus bertindak segera demi keselamatan mereka," jelasnya yang kini menyambung perkhidmatan di Hospital KPJ Klang.

Tambahnya lagi, jangkaan daripada pesakit turut meningkat, tidak kiralah dalam apa bidang sekalipun. Mungkin kerana itu segelintir darinya kurang berminat dengan hospital-hospital kerajaan kerana menjangkakan hospital swasta lebih baik.

"Tak tahu mengapa hospital kerajaan kurang mendapat tempat di hati segelintir masyarakat. Pada saya, semua hospital sama, tak banyak beza. Mungkin kalau di hospital swasta bilik serta kemudahannya lebih selesa. Tetapi dari segi perkhidmatan, ubat-ubatan serta tenaga kerja lebih kurang sama. Lagipun semua doktor telah dilatih untuk merawat pesakit jadi tidak timbulah isu di sana bagus, di sini kurang.

warisnya marah sampaikan ingin mengambil tindakan. "Hakikatnya, sebaik mula bekerja, para doktor akan buat sehabis baik kerana profesion yang diceburi ini cukup berisiko. Hanya terikat sama ada hidup atau mati sahaja," ulasnya yang pernah menyambung pengajian di Universiti Malaya, Glasgow Royal Infirmary dan Beatson Oncology Center dalam bidang Gine-Onkologi.

Kuat semangat

Bercerita tentang penyakit kanser, Dr. Vijay terpanggil untuk berkongsi pengalaman. Ceritanya, hampir separuh daripada pesakit kanser ini terganggu dari segi emosi kerana terpaksa jalani pembedahan, rawatan kemoterapi dan pesakitnya yang kuat semangat sampaikan terlalu ingin menghargai jasanya dengan menulis di surat khabar.

"Seorang pesakit saya pernah bercerita di sebuah akhbar mengenai perkhidmatan kami dan sangat berpuas hati sepanjang berada di hospital.

...Terharunya apabila ahli keluarga pesakit meminta pendapat saya untuk proses pengebumian sedangkan kami berlainan agama. Saya nasihatkan mereka dari sudut perubatan supaya diteruskan sahaja majlis dan simpan dahulu mayat di bilik mayat...

"Bila terbaca di dada-dada akhbar mengenai pesakit mendakwa doktor kerana itu dan ini terasa sedih juga. Apa tidaknya kami bukan sengaja berbuat perkara-perkara buruk atau kurang sesuai kepada pesakit. "Ada ketika keadaan mereka tenat dan serius jadi kami perlu ambil risiko pada masa yang terhad untuk menyelamatkan nyawa. Mungkin di waktu itu juga terjadi sedikit komplikasi hingga membuatkan pesakit dan



Tidak cukup dengan itu, dia kemudiannya menulis surat kepada pengarah hospital dan bercerita sekali lagi mengenai bantuan yang kami berikan.

"Dalam kisah yang lain, seorang pesakit saya berumur lingkungan 26 tahun positif menghidap kanser. Setelah menjalani pembedahan, pesakit berkenaan berhadapan pula dengan komplikasi hingga terpaksa dimasukkan ke ICU. Tidak berputus asa, saya serta dua ketiga kumpulan doktor yang lain berusaha sedaya upaya menyelamatkan nyawanya tetapi gagal.

"Sepuluh tahun kemudian, adik pesakit berkenaan berjaya menjadi seorang doktor dan kebetulan bekerja di bawah seliaan saya. Oleh kerana keguguran, dia kemudiannya dimasukkan ke wad dan meminta saya merawatnya biarpun mengetahui kakaknya dahulu telah 'pergi' di tangan saya dan doktor-doktor yang lain.

Dalam hal ini, dia tidak bersikap prejudis atau berdendam terhadap kisah-kisah lalu. Mungkin kerana dia juga seorang doktor jadi lebih mudah memahami apa sebenarnya yang doktor rasakan," katanya sambil menjelaskan pesakit kanser yang paling muda untuk kesnya adalah seorang kanak-kanak berusia tiga tahun.

Kenangan pesakit kanser

Dr Vijay turut mengimbas beberapa kenangan yang pernah dilalui bersama pesakit-pesakitnya. Tambahnya, ada satu lagi kes membabitkan seorang wanita berusia lewat 50 tahun yang menghidap kanser ovari. Waktu itu dia berada di hospital swasta.

"Bermacam rawatan telah dilakukan tetapi penyakitnya masih tidak berkurangan. Kebetulan, salah seorang anaknya akan berkahwin tetapi pesakit berkenaan terpaksa 'berkampung' di wad selama lebih dua bulan. Dia sering berkata pada saya bahawa hayatnya tidak lama dan kemungkinan besar tidak berkesempatan menghadiri majlis perkahwinan yang telah diatur.

"Mendengar ceritanya membuatkan hati saya betul-betul hiba. Sedaya upaya saya dan rakan-rakan doktor yang lain cuba menyelamatkan nyawanya tetapi hampa. Suatu hari, dia menyerahkan kad jemputan kahwin anaknya kepada saya.

"Katanya, saya perlu menggantikan tempatnya kelak tetapi saya menolak dan berkata harya akan pergi bersamanya sahaja. Dua hari sebelum majlis ber-



Pertincangan dengan kakitangan bawahan bagi mendapatkan keputusan yang terbaik.

langsung, dia menghembuskan nafasnya yang terakhir.

"Terharunya apabila ahli keluarga pesakit meminta pendapat saya untuk proses pengebumian sedangkan kami berlainan agama. Saya nasihatkan mereka dari sudut perubatan supaya diteruskan sahaja majlis dan simpan dahulu mayat di bilik mayat.

"Selesai sahaja majlis barulah uruskan pengebumian. Tak sangka, seluruh ahli keluarga menerima cadangan saya dengan baik dan tentunya itulah penghormatan yang paling baik pernah diterima sepanjang berkhidmat sebagai doktor. Pasti saya akan kenang sampai bila-bila," katanya sambil berpesan agar pesakit-pesakit kanser tidak cepat berputus asa untuk berharap dan meneruskan kehidupan. Hanya fikirkan perkara-perkara yang positif bagi mendapatkan aura-aura yang baik sahaja. ■

....Inilah Kerjaya Impian Saya. Lebih 19 Tahun Berkhidmat Dengan Masyarakat Membuatkan Hubungan Kami Bertambah Rapat. Saya Melihat Pesakit Seperti Kawan Dan Saudara Sendiri. Sebolehnya Saya Cuba Tangani Masalah Kesihatan Mereka Tetapi Ada Ketika Apa Yang Diinginkan Bukan Seperti Yang Disangka....